



KELAB GOLF PENKALAN HULU

KENYATAAN TAWARAN

CADANGAN MENGUSAHA DAN MENGURUS BANGUNAN ASRAMA KELAB GOLF PENKALAN HULU, PERAK DARUL RIDZUAN

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan bertaraf Bumiputera yang berkeupayaan dari segi kewangan serta berpengalaman dalam bidang perlancongan dan yang masih dibenarkan untuk membuat tawaran pada masa ini untuk menyertai tawaran seperti diatas.
2. Syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai tawaran ini dikehendaki mengemukakan permohonan yang lengkap berdasarkan syarat-syarat am seperti dilampiran.
3. Kertas cadangan yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri, bertulis tajuk dan nombor tawaran serta hendaklah dialamatkan kepada :

PRESIDEN

KELAB GOLF PENKALAN HULU

33100 PENKALAN HULU

PERAK DARUL RIDZUAN

4. Kertas cadangan hendaklah diserahkan sebelum atau pada **31 MAC 2013**. Syarikat yang disenarai pendek akan dipanggil untuk taklimat dan pembentangan lanjut cadangan yang dikemukakan. Kelab Golf Pengkalan Hulu tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran dan keputusan Jawatankuasa Pemilihan adalah muktamad.

Presiden

Kelab Golf Pengkalan Hulu

Tarikh : 1 MAC 2013

SYARAT – SYARAT AM

Syarikat dikehendaki mematuhi sepenuhnya syarat-syarat ini apabila mengemukakan kertas cadangan. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat dibawah ini membolehkan kertas cadangan yang dikemukakan oleh syarikat **DITOLAK**.

1. KELAYAKAN SYARIKAT

2.1 Terbuka kepada syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan bertaraf **BUMIPUTERA** yang berkeupayaan dari segi kewangan dan berpengalaman terutama dalam bidang pelancongan.

2.2 Syarikat hendaklah mengemukakan kertas cadangan yang terperinci dan lengkap berhubung dengan **Cadangan Mengusaha Dan Mengurus Bangunan Asrama Kelab Golf Pengkalan Hulu, Perak Darul Ridzuan** berserta dengan borang Profail Syarikat dan Borang Pengalaman Syarikat. Berikut adalah maklumat-maklumat yang perlu disertakan di dalam kertas cadangan tersebut :

1.2.1 Maklumat Lengkap Cadangan

- Pendahuluan / latar belakang cadangan

- Tujuan
- Objektif
- Pengurusan Syarikat
- Pengalaman Syarikat
- Komponen Pembangunan
- Strategi dan Promosi
- Tarikan Pelancongan
- Isu dan Masalah
- Balasan kepada Kelab Golf Pengkalan Hulu

1.2.2 Kedudukan Kewangan

- Penyata kewangan syarikat (3 bulan terakhir)
- Kos operasi
- Kos penyelenggaraan
- Sumber pembiayaan (sertakan sokongan pembiayaan)
- Caj bilik

2.3 Komponen-komponen Bangunan

- i. Bangunan Asrama Kelab Golf Pengkalan Hulu

2. DOKUMEN TAWARAN

2.1 Kertas Cadangan yang telah dilengkapkan hendaklah dijilid (*comb binding*) kemas dan dimasukkan ke dalam sampul surat belakri bertulis tajuk cadangan dan dialamatkan kepada **Presiden, Kelab Golf Pengkalan Hulu, 33100 Pengkalan Hulu, Perak Darul Ridzuan** Sebelum atau pada **31 Mac 2013**.